

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

STU451 - Perundangan Sosial

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan semuanya. Soalan 1 WAJIB dijawab, setiap soalan mempunyai markah yang sama.

Soalan 1. Jawab (a) DAN (b).

(a) Apakah 3 ciri yang penting dalam undang-undang jenayah? Bincangkan tentang tiap-tiap ciri tersebut.

DAN

(b) Di dalam situasi-situasi berikut, sila tentukan pihak yang mana boleh didapati salah akibat kelakuan jenayahnya (criminal conduct). Anggaphlah bahawa hanya terdapat 3 jenis jenayah di dalam konteks ini: pembunuhan (murder), pematian orang (manslaughter) dan serang-sentuh (battery). Untuk soalan ini "pembunuhan" ditakrifkan sebagai mengakibatkan kematian orang lain dengan sengajanya (the intentional killing of another); pematian orang ditakrifkan sebagai mengakibatkan kematian orang lain dengan tidak sengajanya; dan serang sentuh sebagai semua jenis kekerasan yang tidak sah yang digunakan atas seseorang.

Contoh: A boleh didapati salah kerana pembunuhan.

1. Ah Kau kata "Saya akan membunuh Muthu". Ah Kau mengeluarkan pistolnya yang dia tahu berpeluru dan menembak ke arah Muthu. Muthu mati akibat kena tembak.
2. Ah Kau cuba menembak dan membunuh Muthu. Tembakannya tidak kena Muthu dan terbunuh Lisa.

3. Ah Kau cuba menikam dan membunuh Muthu. Muthu bergelut dengan Ah Kau untuk mendapatkan pisau tersebut dan dalam prosesnya tertikam Lisa.

4. Semasa di Taman Negara, Ah Kau terlihat seekor rusa. Dalam percubaannya untuk menembak rusa tembakannya terkena Muthu yang mati dengan serta-merta.

5. Ah Kau berniat untuk menikam dan membunuh Muthu. Muthu cuba menghalangnya dan mengalami luka yang tidak parah. Dia dibawa oleh ambulan ke hospital. Dalam perjalanan tersebut, tayar ambulan terpancit dan suatu kemalangan berlaku di mana Muthu terkorban.

[100 markah]

Soalan 2. Sila jawab bahagian (a) ATAU (b).

- (a) Mengikut artikel bertajuk "Is Law Necessary?" oleh Dennis Lloyd, apakah teori-teori yang dikemukakan oleh beliau untuk memastikan jikalau undang-undang itu diperlukan atau tidak? Apakah kesimpulan beliau tentang keperluan undang-undang di dalam sesebuah masyarakat.

ATAU

- (b) Jelaskan apa itu "undang-undang"? Bincangkan apakah kaitan undang-undang dengan:
 - (i) kebebasan
 - (ii) peraturan moral
 - (iii) adat resam
 - (iv) keadilan

[100 markah]

Soalan 3. Sila jawab bahagian (a) ATAU (b) sahaja.

- (a) Jelaskan perbezaan di antara undang-undang positif dan undang-undang semulajadi (Natural Law). Di dalam pandangan anda, haruskah undang-undang semulajadi mainkan peranan yang penting dalam masyarakat moden? Apakah peranannya dalam pencapaian keadilan?

ATAU

- (b) Apakah dua bidang undang-undang yang terdapat di Malaysia? Nyatakan jikalau sistem undang-undang di Malaysia ialah sistem "common-law" atau sistem "civil-law" dan apakah perbezaan di antara kedua-dua sistem tersebut. Sila bincangkan tentang halangan-halangan yang menyekat orangramai di Malaysia daripada mendapat keadilan melalui mahkamah.

[100 markah]

Bahagian II. Jawab SATU soalan dari bahagian ini.

Soalan 4

Mengapa diskriminasi berdasarkan jantina dikatakan tidak dilarang di Malaysia. Nyatakan EMPAT JENIS undang-undang yang memberi perlindungan kepada wanita teraniaya di Malaysia. Mengapa wanita bukan Islam menghadapi masalah yang lebih besar bagi menentang penganiayaan terhadap wanita dalam rumahtangga?

ATAU

Apakah yang dimaksudkan "keluarga"? Apakah fungsi undang-undang keluarga dalam semua masyarakat? Nyatakan DUA sistem berasingan bagi undang-undang keluarga yang wujud di Malaysia dan bincangkan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua sistem tersebut.

[100 markah]

Soalan 5

Di dalam pembentukan kontrak perkhidmatan adalah penting bagi kedua belah pihak menyetujui segala terma dan syarat supaya mereka memahami akan tanggungjawab yang akan timbul di sisi undang-undang. Apakah perbezaan di antara Terma Nyata dan Terma Tersirat. Bincangkan 2 ujian yang digunakan oleh mahkamah untuk menyiratkan syarat-syarat yang diiktiraf olehnya.

[100 markah]

